



قجابت تانه دان ججاهن تانه ميره, كلنتن

PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH MERAH
17500 TANAH MERAH,
KELANTAN.

Telefon : 09-955 6963
: 09-955 7463
Faks : 09-955 6776
<http://www.ptjtm.kelantan.gov.my>
E-mel : ptjtm@kelantan.gov.my



Ruj. Kami : PJTM (P) 442/1/JLD.4 (20)
Tarikh : 30 April 2025
02 Zulkaedah 1446H

KENYATAAN SEBUT HARGA (TAWARAN KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang beralamat di Jajahan Tanah Merah dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

| BIL. | TAJUK KERJA |
|------|---|
| 1 | No. Sebutharga : PJTM (P) 103/3/SH35/2025 Kerja-kerja Menaik Taraf Jalan Belakang Tokong Siam, Kampung Berchang Baru, Dun Bukit Panau, Parlimen Tanah Merah, Kelantan |
| 2 | No. Sebutharga : PJTM (P) 103/3/SH36/2025 Kerja-kerja Menaik Taraf Jalan Di Kampung Baru Batang Merbau, Dun Kemahang, Parlimen Tanah Merah, Kelantan |

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).

GRES : G1
KATEGORI : KEJUTERAAN AWAM CE
PENGKHUSUSAN : CE01

3. Segala maklumat dan dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah** mulai dari **07 Mei 2025 (Rabu)**.

4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor / Penama Syarikat yang membawa **Sijil Pendaftaran Asal** Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/ Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB).

5. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran berjumlah **RM 50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** bagi setiap dokumen Sebut Harga kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah.

6. Taklimat atau lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat atau lawatan tapak dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri di **Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah** pada **07 Mei 2025 (Rabu) jam 10:00 Pagi**.

7. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat Sebut Harga atau lawatan tapak.

8. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang ditulis Nombor Sebut Harga, Nama Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga selewatnya pada **13 Mei 2025 (Selasa) sebelum 12:00 Tengahari** di Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, Kelantan.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ROSLI BIN MOHAMED)
Ketua Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan)
b.p : **KETUA JAJAHAN TANAH MERAH**

s.k : YABrs. Ketua Jajahan – Untuk Makluman Tuan
Fail – Sebut Harga